

01/08/2002

Memperkasa perkongsian pintar rentas sempadan

Wan Jailani Razak

SELEPAS kejayaan Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID) di Kampala, Uganda tahun lalu, dialog berpaksikan perkongsian pintar antarabangsa itu kini kembali ke tempat pemulanya - Langkawi.

Dialog Antarabangsa Langkawi-Global 2002 (LID-Global 2002) yang dilakar sejak 1995 itu bermula hari ini hingga 4 Ogos ini, bertempat di Pelangi Beach Resort, Pantai Cenang, Langkawi.

Dialog itu sekali lagi akan dianjurkan bersama Kumpulan Industri-Kerajaan Bagi Teknologi Tinggi Malaysia (Might) dan Perkongsian Komanwel Bagi Pengurusan Teknologi (CPTM) berpangkalan di London.

LID-Global 2002 adalah siri dialog perkongsian pintar antarabangsa membabitkan negara membangun, khususnya dari benua Afrika, sehingga menjurus kepada kewujudan SAID dan Dialog Antarabangsa Timur Afrika (EAID).

Dijangka 450 perwakilan termasuk ketua kerajaan, menteri, pegawai kanan kerajaan, golongan korporat dan media menghadiri dialog dalam suasana tidak formal dan terbuka kali ini bagi membincangkan pelbagai isu kepentingan bersama.

Di Langkawi, perwakilan buat pertama kali akan ditemukan dalam khemah putih yang dilengkapi pendingin udara di pekarangan pusat peranginan itu sesuai dengan bilangan peserta yang lebih ramai berbanding 300 peserta pada LID 2000 berikutan pertambahan perwakilan dari benua Afrika dan negara Asean.

Bagaimanapun, pertambahan peserta itu mungkin tidak begitu baik kerana ia boleh menjejaskan keberkesanan dialog dan percambahan idea disebabkan peserta mungkin sukar memberi tumpuan sepenuhnya dalam perbincangan.

Sehingga kelmarin, seramai 18 ketua kerajaan dan menteri mengesahkan kehadiran, antaranya Menteri Kewangan dan Pembangunan Perancangan Botswana, Baledzi Gaolathe; Perdana Menteri Lesotho, Pakalitha Bethuel Mosisili; Perdana Menteri Mauritius, Aneerood Jugnauth; Presiden Namibia, Dr Sam Nujoma; Naib Presiden Seychelles, James Alix Michel; Timbalan Presiden Afrika Selatan, Jacob Zuma; Presiden Rwanda, Paul Kagame; Presiden Sudan, Omar Hassan Ahmad Al-Bashir dan Presiden Zimbabwe, Robert Mugabe.

Ketua negara lain yang mengesahkan kehadiran ialah Presiden Burundi, Pierre Buyoya; Presiden Ghana, John A Kufuor; Ketua Menteri India, Sree S M Krishna; Presiden Uganda, Yoweri Kaguta Museveni; Perdana Menteri St Lucia, Dr Kenny D Anthony; Presiden Nigeria, Olusegun Obasanjo, dan Perdana Menteri Mozambique, Pascoal Manuel, Perdana Menteri Malta, Dr Edward Fenech; Presiden Republik Kyrgyz, Askar Akayev dan Raja Swaziland, Raja Mswati III.

Berita Harian menjadi akhbar Melayu rasmi LID-Global 2002, New Straits Times (akhbar Inggeris rasmi), Radio Televisyen Malaysia (penyiar rasmi) dan Bernama (agensi berita rasmi).

Turut menjadi penaja LID-Global 2002 ialah Telekom Malaysia Bhd, Tenaga Nasional Bhd, Hei-Tech Padu Bhd, Puncak Niaga Bhd, Cahya Mata Sarawak Bhd, Southern Bank Bhd, Gas Malaysia Bhd, Binapuri Holdings Sdn Bhd, Edaran Otomobil Nasional Bhd dan Sunway Group Bhd.

LID-Global 2002 bertujuan meneruskan pengukuhan perkongsian pintar melangkaui bangsa, negara, kerajaan dan sektor perniagaan serta sosial, selain berkongsi pengalaman dan pembelajaran dalam mentadbir negara di segi menggerakkan ekonomi dan sosiopolitik.

Ia juga bertujuan meneroka utiliti sumber yang boleh memberi manfaat serta mengukuhkan perkongsian pintar di kalangan komuniti antarabangsa dan pada masa sama, menyediakan pentas pertemuan bagi kumpulan pakar berkongsi idea mengenai pelbagai isu, peluang dan cabaran sesama mereka.

Penasihat Might, Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman, berkata tema dialog kali ini 'Ke Arah Glob Lebih Pintar - Memperkukuh Keselamatan dan Kemakmuran Untuk Pembangunan Menerusi Perkongsian Pintar' dipilih sebagai kesinambungan siri dialog di Kampala dan tragedi 11 September yang memerlukan negara meningkatkan tahap keselamatan.

Tahun lalu, dengan tema 'Memperkukuh Iklim Pelaburan Terus Asing (FDI) Menerusi Perkongsian Pintar', SAID-Global 2001 memberi tumpuan kepada isu pelaburan langsung asing (FDI), khususnya ke negara-negara membangun di benua Afrika dengan matlamat mengenal pasti strategi bagi menarik pelaburan terus asing pada tahap sewajarnya.

Katanya, LID-Global 2002 akan dibahagikan kepada dua sesi iaitu 'Memperkukuh Keselamatan Antarabangsa' dan 'Memperkukuh Kestabilan dan Kemakmuran'.

Empat bidang utama akan dibincangkan pada sesi pertama, iaitu membentuk keselamatan antarabangsa, memahami kebudayaan untuk komunikasi yang lebih berkesan, mengurangkan ketidaktetapan transaksi kewangan dalam sistem kewangan antarabangsa dan menguruskan peralihan dalam pembangunan ekonomi.

Pada sesi kedua, pula, katanya, perwakilan akan membincangkan pencapaian pertumbuhan saksama untuk kemakmuran berterusan, membangunkan sumber manusia dan pengurusan kesihatan, mengemas kini WTO selepas Dohar - pertandingan serta pembangunan dan pertumbuhan k-ekonomi menerusi inovasi.

Antara fokus utama dialog kali ini ialah sesi khas dua hala yang akan dikendalikan oleh Rangkaian Pakar Perkongsian Pintar merangkumi Rangkaian Isu Sosial, Rangkaian Ahli Politik dan Pegawai Kerajaan, Rangkaian Buruh dan Ahli Perniagaan serta Rangkaian Media dan Kebudayaan.

"Satu sesi khas ketua kerajaan dan menteri dengan ahli 'Club 29' yang mewakili usahawan dan profesional muda juga akan diadakan pada hari kedua LID-Global 2002.

"Ini berikutan pembabitan golongan muda dilihat penting dalam mengembangkan lagi idea perkongsian pintar dan bertukar maklumat dengan pihak yang terbabit dalam bidang masing-masing," katanya.

Dr Omar berkata, beberapa tajuk perbincangan yang dipilih daripada SAID 2001 akan terus dibincangkan pada dialog kali ini membabitkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Uganda, Yoweri Museveni.

Katanya, bagi kumpulan isu sosial pula, mereka yang terbabit dalam perbincangan itu ialah Wanita Pertama Uganda, Janet Museveni dan isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Dialog itu, seperti beberapa siri dialog sebelum ini, dijadual dirasmikan oleh Dr Mahathir yang akan menyampaikan ucapan tama malam ini.

Apa yang pasti, Malaysia sebenarnya tidak berhasrat menjadi jaguh negara membangun, khususnya di Afrika, tetapi sekadar berusaha memastikan hak negara yang lemah terbelah bagi memakmurkan dunia dalam era globalisasi yang serba mencabar.

Berdasarkan pengalaman wartawan membuat liputan di beberapa siri dialog di Langkawi, Malaysia hanya bertindak membela kepentingan negara membangun dengan mengadakan kerjasama serta perkongsian bijak untuk manfaat semua negara.

Ini kerana hanya dengan cara itu negara membangun dapat menyuarakan serta mempertahankan kepentingan dan hak mereka daripada terus diabaikan negara maju.

Seperti pernah ditegaskan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar: "Malaysia tidak berniat menjadi godfather kepada sesiapa. Apa yang penting

kita mahu kesepakatan, kita mahu negara membangun yang lemah dalam segala aspek, bersama dan bersatu dalam menghadapi kesan globalisasi.

"Jika kita bersendirian, kita tidak akan didengar, kita tidak akan mempunyai suara yang berkesan untuk dipertimbang oleh negara maju. Justeru, ini tidak ada kena-mengena dengan hasrat untuk menjadi godfather," katanya ketika mengulas dakwaan beberapa negara Eropah kononnya Malaysia cuba menjadi godfather kepada negara Afrika dengan memberi pelbagai kemudahan kredit bagi menguasai perdagangan di benua itu.

Pendirian tegas Malaysia itu disokong Presiden Mozambique, Joaquim Alberto Chissano, pada LID 2000 apabila beliau mengakui negara Afrika tidak menganggap langkah Malaysia menjalin hubungan erat dengan negara di rantau berkenaan sebagai sesuatu yang tidak baik, termasuk ingin menjadi jaguh negara membangun, khususnya di Afrika.

Sebaliknya, mereka berpendapat lebih banyak negara di seluruh dunia sepatutnya mencontohi langkah Malaysia dalam usaha membina satu dunia baru. Lebih banyak negara perlu menjadi jaguh dan bekerjasama dengan negara Afrika dalam usaha mewujudkan satu dunia baru.

"Saya tidak nampak sesuatu tidak baik untuk Malaysia bekerjasama rapat dengan negara Afrika. Malah, ia satu contoh baik yang perlu diikuti (negara lain). Kita perlukan lebih negara untuk menjadi jaguh... kerana Afrika," kata Chissano.

Bagi Malaysia pula, ahli perniagaan tempatan perlu terus menyokong LID walaupun rakan dialog lain kurang berjaya melaksanakan cadangan bagi membangunkan negara mereka selepas hampir tujuh tahun dialog itu diadakan.

Mereka perlu menyahut saranan Dr Mahathir yang mahu dialog perkongsian pintar antarabangsa itu dijadikan landasan untuk mengenali pemimpin negara membangun lain supaya mudah menjalankan perniagaan di negara terbabit.

Kata Perdana Menteri, ahli perniagaan perlu terus menunjukkan minat terhadap dialog ini kerana ia membolehkan mereka menemui ramai pemimpin dari negara lain.

"Dalam erti kata lain, dialog ini membuka pintu, walaupun kadangkala anda memerlukan orang lain termasuk saya untuk pergi ke sana dan bawa delegasi perniagaan," katanya ketika berucap pada majlis Jamuan Tengah Hari Bersama Perdana Menteri serta Perbincangan Pra-Dialog LID-Global 2002 di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Jelaslah, selepas hampir tujuh tahun konsep perkongsian pintar diperkenalkan pada LID 1995, ia semakin difahami dan dimanfaatkan oleh negara membangun di Selatan Afrika yang menyertainya.

Antara pencapaian yang dianggap terbaik sejak dialog diadakan ialah pelancaran Rangkaian Berita Pintar Antarabangsa (SNNi), satu program pertukaran berita berasaskan konsep perkongsian pintar bagi mengimbangi laporan kurang tepat mengenai negara membangun oleh media dan agensi berita Barat.

Idea pertukaran berita di kalangan negara membangun di Afrika dan Malaysia ini buat pertama kalinya dibangkitkan pada Dialog Antarabangsa Langkawi 2000 sebelum dibincangkan lebih lanjut di SAID-Global 2000 di Maputo pada tahun sama.

Kerjasama membabitkan 11 agensi berita dan akhbar ini sekurang-kurangnya dapat dijadikan sumber alternatif kepada media massa di negara-negara membangun yang sebelum ini terpaksa bergantung kepada agensi berita asing yang dikuasai pengamal media Barat.

Melalui kerjasama ini, organisasi yang mengambil bahagian akan menyumbang berita yang bersesuaian, rencana dan gambar melalui Internet ke laman web SNNi.

SNNi juga akan menawarkan kemudahan latihan kepada wartawan dan pegawai media di kalangan anggotanya.

Ini membuktikan perwakilan dialog semakin sedar tindakan secara

bersendirian tidak akan berkesan dalam menghadapi arus globalisasi.

Negara Barat pula tidak harus bimbang terhadap dialog seperti LID dan SAID kerana dialog berkenaan membincangkan kebaikan dan membina masa depan yang lebih baik bagi semua.